

13 SEP 1999

Ramos

TINGKATKAN PERDAGANGAN DI KAWASAN PERTUMBUHAN ASEAN, KATA RAMOS

KUALA LUMPUR, 13 Sept (Bernama) -- Perdagangan di kawasan pertumbuhan Asean Timur membabitkan Brunei, Indonesia, Malaysia dan Filipina (BIMP-EAGA), patut ditingkatkan sekarang memadamkan rantau ini sudah pulih daripada krisis ekonomi, kata bekas presiden Filipina Fidel Ramos di sini hari ini.

Menurutnya perdagangan dalam kawasan itu agak perlahan semasa kegawatan ekonomi tetapi dengan tanda-tanda pemulihan ekonomi di negara-negara Asia Tenggara, kerjasama antara anggota negara-negara BIMP-EAGA perlu diperbaharui.

"Aktiviti-aktiviti dalam BIMP-EAGA agak perlahan semasa krisis ekonomi... tetapi memandangkan pasaran bersama bagi kira-kira 45 juta orang, dengan apa yang berlaku di sekeliling... kami di Filipina merasakan bahawa kita mesti memperkukuhkan kerjasama ekonomi serantau," katanya kepada pemberita selepas menemui Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob di pejabatnya di sini.

Ditanya sama ada beliau berpuas hari dengan hubungan dua hala antara Malaysia dan Filipina, bekas presiden itu berkata kedua-dua negara tidak harus merasa puas hati tetapi patut terus mengukuhkan dan meluaskan kerjasama.

Ramos berada di sini atas jemputan Khalil yang membuat pelawaan itu semasa beliau menjadi Menteri Besar Pahang. Semalam, Ramos malawat Pahang dan mengadakan perbincangan dengan pengganti Khalil, Datuk Adnan Yaakob.

Ramos yang menjadi presiden selama enam tahun sehingga 30 Jun tahun lepas berkata beliau akan melakukan apa sahaja yang boleh dilakukannya bagi mengukuhkan hubungan ekonomi antara Filipina dan Malaysia.

Menurut perangkaan, pelaburan Malaysia di Filipina mencapai tahap paling tinggi semasa pentadbiran Ramos kerana dasar pro perniagaannya.

Ramos kini mempengerusikan yayasan yang dinamakan, Ramos Peace and Development Foundation.

Beliau dijadual bertemu Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Rabu ini.

Ditanya mengenai agenda pada pertemuan dengan Perdana Menteri, beliau berkata "Tidak ada agenda tetapi saya pastinya akan mempromosikan hubungan ekonomi yang kukuh", katanya.

-- BERNAMA

NM LAT RON